

## Transgender Di Malaysia

### *Transgender In Malaysia*

Siti Amirah Akilah Abd Rahim<sup>a\*</sup>, Hanisah Abdul Rahman<sup>a</sup>, Farahwahida Mohd Yusof<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Islamic Civilization Academy, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

<sup>b</sup> Centre of Research for Fiqh Science and Technology (CFiRST), Ibnu Sina Institute for Scientific & Industrial Research (ISI-SIR), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

\*Corresponding author: [amirah1991@graduate.utm.my](mailto:amirah1991@graduate.utm.my)

---

#### Article history

Received: 2019-07-28    Received in revised form: 2019-10-28    Accepted: 2019-11-16    Published online: 2020-01-31

#### Abstract

This study analyzes the challenges and future of transgender issues in Malaysia as well as the views of Islam and Science to find solutions in addressing this issue. Transgender is a sense of personal identity and gender that contradict birth sex, with or without genital conversion. Unlike sexual orientation, transgender people are not necessarily homosexual but may bisexual or heterosexual. Many factors have contributed to these situations and there is also a dispute over the issue. In Malaysia, Islam and Christianity banned sex conversion meanwhile other religions accepted it. This study applies a qualitative measure through primary and secondary sources and found out that the challenges and the future of transgender are an important agenda of finding the solutions. The problem is studied from the perspective of employment, health, family, religion, self-identity, and community structure. However, human rights, psychological health and the unclear Malaysian law are challenges in addressing this issue. From the Science point, there are still many debates and ambiguities in research to prove transgender. While from the point of Islam that serves as a guide to life, these groups alter Allah's creation which is forbidden in Islam. Therefore, this study feels that this issue needs to be addressed and solved promptly. Improvements to existing laws without neglecting a humanitarian recovery are one of the earliest possible actions.

*Keywords:* Transgender, Challenges and Future, View Of Islam and Science

#### Abstrak

Kajian ini menganalisa cabaran dan masa depan isu transgender yang wujud di Malaysia serta meneliti pandangan Islam dan Sains bagi membantu mencari solusi dalam menangani isu ini. Definisi transgender yang dimaksudkan kajian ialah ketidaksamaan identiti jantina yang dimiliki seseorang dengan alat kelamin dan jantina kelahiran. Berbeza dengan orientasi seksual, golongan transgender ini tidak semestinya homoseksual tetapi mungkin juga biseksual atau heteroseksual. Banyak faktor yang mendorong gejala ini berlaku. Terdapat juga perselisihan pandangan mengenai isu ini. Di Malaysia hanya agama Islam dan Kristian yang mengharamkan penukaran jantina. Penulisan ini berbentuk kualitatif melalui sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian melalui pembacaan penulis melihat bahawa cabaran dan masa depan dari sudut permasalahan yang berlaku menjadi agenda penting dalam membantu mencari solusi menangani isu ini. Permasalahan dikupas dari sudut peluang pekerjaan, kesihatan, kekeluargaan, keagamaan, identiti diri dan struktur komuniti. Namun, hak asasi manusia, kesihatan psikologi golongan transgender dan juga keaburan dalam undang-undang Malaysia dilihat sebagai salah satu cabaran bagi menangani isu ini. Dari sudut Sains, masih banyak perbincangan dan keaburan dalam penyelidikan bagi membuktikan golongan transgender. Manakala dari sudut Islam yang berfungsi sebagai panduan hidup, golongan ini mengubah ciptaan Allah dan perkara ini diharamkan Islam. Oleh itu, kajian merasakan isu ini perlu diberi perhatian dan ditangani dengan segera. Penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada tanpa mengabaikan pemulihan dari sudut kemanusiaan merupakan salah satu tindakan awal yang boleh dilaksanakan.

*Keywords:* Transgender, Cabaran Dan Masa Depan, Pandangan Islam Dan Sains

## 1.0 PENDAHULUAN

Para ilmuwan sosial telah memperkenalkan perkataan *gender* dengan membawa maksud perbezaan antara lelaki dan perempuan yang telah dicipta oleh tuhan (Herien Puspitawati, 2013). Perbezaan ini amat penting bagi mengenalpasti *gender* agar tidak mengalami kecelaruan identiti diri. Manakala dalam kamus Dewan Edisi Keempat (2005), *gender* atau jantina membawa maksud golongan jenis kata dalam tatabahasa sesuatu bahasa seperti maskulin, feminin dan neuter.

### 1.1 Definisi Transgender Menurut Barat.

Perkataan *transgender* memberi maksud yang banyak dan pelbagai, sesetengah mengatakan bahawa *transgender* merupakan identiti utama yang memberi makna kepada siapa diri mereka yang boleh dilihat. Bagi sesetengah yang lain pula, *transgender* membawa maksud kategori yang samar-samar dan tidak bermakna. Selain itu, *transgender* juga ditakrifkan dengan lebih meluas sehingga 'cross-dressers' juga termasuk dalam golongan ini.

Merujuk pandangan Brown dan Rousley (1996) istilah *transgender* merupakan golongan atau individu yang mempunyai masalah isu jantina mereka sendiri. Manakala, Boswell (1997) menyebut *transgender* sebagai individu yang akan melalui pelanggaran jantina dan ingin menjadi 'more fully human'.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan pandangan barat ini, golongan transgender ialah kelas yang mempunyai gangguan identiti. Mereka tidak berminat dengan seks atau perasaan, tetapi naluri hidup mereka cenderung kepada aktiviti songsang ini.

### 1.2 Defenisi Transgender Menurut Islam.

Menurut Islam, *transgender* merupakan amalan songsang dan perlakuan yang bertentangan dengan jantina. Kategori ini boleh dirungkai dengan membawa maksud wanita seperti lelaki dan lelaki seperti wanita. Ini merupakan amalan dan penukaran jantina serta perlakuan yang benar-benar dilarang oleh Islam. (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016)

Imam An-Nawawi mendefinisikan seorang lelaki yang dalam pergerakan, penampilan dan bahasanya membawa ciri-ciri seorang wanita sebagai mukhannas. Terdapat dua jenis; Pertama ialah seseorang yang mempunyai ciri-ciri semula jadi dan dia tidak meletakkan ciri-ciri tersebut pada diri mereka dengan sendiri. Maka tidak ada kesalahan padanya, tidak ada dosa dan tidak perlu malu dengannya, selagi dia tidak melakukan perbuatan haram, atau mengeksploitasinya untuk wang (pelacuran dan lain-lain). Jenis kedua ialah berperwatakan seperti perempuan dengan tujuan tidak bermoral, dan dia dikira melakukan dosa. (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016)

Jantina manusia kebiasaanya mempunyai empat kumpulan, pertama lelaki dan perempuan, kedua khunsa, ketiga *mukhannas* dan keempat *mukhannis*. Secara umumnya, khunsa membawa maksud dua jantina dan sejak dilahirkan golongan ini mempunyai status identiti yang bercelaru kerana mereka ini mempunyai dua alat kelamin iaitu alat kelamin lelaki dan perempuan. Secara terperinci golongan *mukhannas* ialah golongan yang menaruh harapan menjadi wanita sedangkan mereka adalah lelaki. Untuk golongan *mukhannis* pula, mereka adalah golongan lelaki lembut. Mereka sebenarnya lelaki yang mempunyai sifat kewanitaan yang tinggi dan tidak sanggup untuk melakukan sebarang pembedahan jantina. (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016)

Golongan *transgender* dilaknat oleh Allah SWT sama ada lelaki yang menyerupai wanita atau sebaliknya. Antara sumber yang boleh dijadikan bukti bahawa Nabi melaknat golongan *transgender* ialah berdasarkan karya kitab “*Al-Mu’jam al-Awsat*”. Dari Ibnu Abbas Radliyaaahu’anh, baginda berkata : “Allah melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki” (Hadis Imam Bukhari).

Allah berfirman “Dan demi sesungguhnya, Aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan Demi sesungguhnya Aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya Aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan Aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata” (Surah an-Nisa, 4: 119).

### 1.3 Definisi *Transgender* Menurut Kajian

Pengkaji membuat kesimpulan bahawa maksud *transgender* ialah individu atau golongan yang mempunyai kecelaruan identiti serta mengikut nafsu dan shahwat yang bertentangan dengan aktiviti di luar tabi’in manusia kerana ingin mengubah ciptaan yang telah ditetapkan oleh tuhan.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui sumber primer dan sekunder. Latar belakang kajian yang diperolehi dapat dilihat dari sudut sejarah kelahiran *transgender*, faktor pendorong, statistik perkembangan *transgender* dan penerimaan masyarakat tentang *transgender*.

### 2.1 Sejarah

Kebanyakan sejarah membuktikan bahawa kelahiran golongan *transgender* di Malaysia melalui pengaruh barat. Tiada spesifik tahun yang ditetapkan oleh mana-mana penulis berkaitan sejarah kelahiran *transgender* di Malaysia.

Sejarah dahulu juga telah membuktikan bahawa zaman Nabi Luth A.S telah terjadi peristiwa hubungan sejenis antara lelaki dengan lelaki dan meninggalkan perempuan. Kaum Nabi Luth pada ketika itu mengancam Nabi Luth dan membenci beliau kerana mengajak agar beriman kepada Allah. Di dalam Al-Quran, Allah berfirman “Dan (Kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada mereka: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan *fahisyah* itu, yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun (di dunia ini) sebelumnya? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melampiaskan nafsumu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Jawab kaumnya tidak lain hanya mengatakan: “Usirlah mereka (Luth dan para pengikutnya) dari kotamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berpura-pura mensucikan diri.” (Surah al A’raf, 7: 80-82)

Ayat Al-Quran ini jelas membuktikan bahawa kewujudan golongan songsang yang dilaknat Allah ini telah lahir sejak zaman Nabi Luth A.S. Penulis berpandangan bahawa golongan *transgender* juga dikategorikan sebagai golongan yang songsang dan jauh daripada syariat hidup Islam.

Pada tahun 1970, pergerakan feminis bermula dengan slogan ‘persona politik’. Pada tahun ini juga telah lahir penulis dan tokoh *gay* serta *lesbian* yang memperjuangkan golongan *transgender* ini. Golongan ini terus berkembang dan menyebarkan pengaruh sehingga tahun 1995. Pada

tahun 1990, golongan ini melahirkan jurnal akademik *peer-reviewed* berkaitan transgender. Manakala, pertubuhan mereka yang dinamakan “Trangender Nation” ditubuhkan pada tahun 2000. Golongan ini juga terus berkembang secara meluas di barat oleh individu dalam dunia hiburan dan perubatan sehingga menjadi isu yang diperjuangkan. (Marziana *et al.* 2014)

Pada permulaan sejarah *transgender* di Malaysia pula, diambil daripada sejarah LGBT iaitu *Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender*. Peringkat awal golongan ini bermula dengan kewujudan mak nyah pada tahun 1980-an. Fatwa di dalam persidangan Raja-Raja kali ke-126 menyebut bahawa kelas LGBT ini sebagai perlakuan yang haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup. Rentetan daripada fatwa yang ditetapkan, mana-mana golongan *transgender* secara individu yang ingin membuat permohonan menukar jantina pada dokumen pengenalan diri telah dihalang oleh fatwa. (Marziana *et al.* 2014)

Pertubuhan dunia yang memperjuangkan *transgender* dalam hal hak asasi manusia ialah *International Lesbian, Gay, Bisexual, Trans and Intersex Association (ILGA)*. Di Asia Tenggara seperti Singapura, kumpulan mereka diberi nama *People Like Us (PLU)*. Manakala di Malaysia pula, kumpulan *Seksualiti Merdeka* dilihat sebagai organisasi yang giat mempromosikan agenda songsang ini. Pertubuhan-pertubuhan ini mempunyai matlamat yang sama iaitu memperjuangkan hak kumpulan mereka dan sering mengumpulkan ahli-ahlinya. (Marziana *et al.* 2014)

Hari ini, golongan ini lantang bersuara dan menyuarakan hak mereka serta meminta dunia mengakui kebebasan kehendak mereka sehingga suara mereka didengari oleh Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Situasi yang sama juga berlaku di negara Malaysia. Kumpulan ‘Seksualiti Merdeka’ telah mengadakan satu acara tahunan mengenai hak seksualiti dan jantina di Kuala Lumpur. Mereka bukan sahaja perjuangkan hak asasi manusia, malah sanggup memanipulasikan perlembagaan Malaysia berdasarkan pandangan mereka sendiri. (Marziana *et al.* 2014)

Tambahan, golongan ini telah melakukan kontroversi di media sosial seperti *facebook* dengan meletakkan slogan bendera berwarna pelangi pada gambar profil *facebook* sebagai simbol kaum mereka serta mendukung pernikahan sejenis dan merayakan momentum kemenangan komuniti sesama jenis di Amerika Syarikat pada tahun 2015. (Amirah A.Aziz, 2017)

Pengkaji membuat rumusan bahawa isu golongan *transgender* ini perlu dititikberatkan agar tidak berkembang pesat. Isu ini ialah isu sensitif yang telah menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur dalam masyarakat Malaysia apatah lagi perlakuan yang menyalahi tabi’in manusia.

## **2.2 Faktor pendorong**

Menurut hasil sumber R&D Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2016, antara faktor pendorong gejala ini berlaku ialah perubahan hormon, faktor genetik, persekitaran, biologikal, akhlak dan moral, kekurangan ilmu pengetahuan dan naluri sejak zaman kanak-kanak dan faktor keluarga.

Sumber daripada R&D tersebut menjelaskan bahawa terdapat mereka yang *transgender* disebabkan oleh ibu bapa mereka yang mahukan anak berlainan jantina dari anak mereka. Perkara ini boleh mendatangkan kekeliruan tentang identiti mereka dan sekaligus mendorong mereka untuk menjadi jantina lain.

Tambahan, akhlak dan moral sangat penting untuk dididik sejak kecil. Kekurangan iman seseorang menjadi salah satu kelemahan yang perlu dibendung agar gejala ini tidak terus

berleluasa. Kawalan sosial perlu dijaga dan diambil sepenuh perhatian agar masyarakat berada dalam satu anjakan norma hidup yang lebih baik.

Hasil kajian pelajar sarjana muda di UKM pada tahun 2015 juga mendapati bahawa kefahaman tentang ilmu agama dan kelemahan dalam ilmu agama menyebabkan kurang pengetahuan menjadikan perkara *transgender* ini berlaku. Lelaki berkeinginan untuk menjadi seorang wanita yang kuat sejak zaman kanak-kanak juga timbul disebabkan ibu bapa yang kurang mengambil perhatian isu ini.

Penulis memberi kesimpulan bahawa faktor persekitaran memberi impak yang besar gejala ini boleh berlaku. Hal ini kerana, peranan ibu bapa yang mendidik dan mencorak kanak-kanak sejak kecil. Dalam kalangan ibu bapa ada yang mendidik anak mereka sesuai dengan anak perempuan kerana anak perempuan lebih ramai berbanding anak lelaki. Maka apabila anak lelaki membesar, berlaku kecelaruan identiti terhadap anak lelaki tersebut. Manakala, faktor genetik dan hormon boleh dilihat juga kepada gaya corak ibu bapa yang mendidik kanak-kanak tersebut serta corak pemakanan.

### **2.3 Statistik**

Statistik dari Pegawai Penguatkuasa Agama seluruh Malaysia, menunjukkan gaya hidup *transgender* seperti ini telah berkembang dan menjadi kompleks. Pertubuhan pelbagai gerakan merupakan satu diskriminasi bentuk baru atas menjaga hak asasi. Mereka menggunakan Hak Asasi Manusia (HAM) untuk mempertahankan perbuatan mereka. Mereka telah mencerca kesucian agama Islam dan perundangan Malaysia, malah mereka juga menggugat ketenteraman awam dan keamanan agama Islam.

Anggaran statistik yang diambil daripada sebuah jurnal pelajar Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Pertanian Bogor yang bertajuk Konsep, Teori dan Analisis Gender, menyebut bahawa isu *transgender* di Malaysia ialah seramai 100,000 orang lelaki *transgender* yang mana 70 hingga 80 peratus adalah Melayu, selebihnya Cina, India dan golongan minoriti lain (Teh Koon, 2008). Manakala golongan *transgender* dalam kalangan perempuan pula, bilangan tidak dapat dikenalpasti dan berkemungkinan kurang daripada lelaki.

### **2.4 Penerimaan Masyarakat Terhadap Transgender**

Masyarakat Malaysia khususnya mengkritik golongan ini kerana telah menyalahi adat dan agama serta institusi kekeluargaan. Mereka jelas menunjukkan perlakuan gaya hidup songsang sebagai gaya dan corak mereka sendiri. Statistik juga menunjukkan pelbagai gerakan telah wujud, maka masyarakat Malaysia menganggap bahawa budaya ini merupakan budaya yang tidak sihat. Kebanyakan pengkaji juga menolak serta mengkritik aktiviti dan perlakuan *transgender* ini berdasarkan ayat quran dan hadith sahih.

## **3.0 PANDANGAN AGAMA TERHADAP TRANSGENDER**

Malaysia mempunyai empat agama utama iaitu Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Hanya agama Islam dan Kristian yang mengharamkan penukaran jantina. Perkara ini jelas jika kita lihat hujah daripada agama Islam yang mengharamkan penukaran jantina melalui kisah Nabi Luth yang disebut di dalam Al-Quran bahawa umatnya yang membuat perbuatan syirik dan seks sejenis. Perbuatan ini adalah antara perkara yang dilaknat oleh Allah SWT (Sinar Harian, 2019).



Justeru, penulis membuat rumusan kisah ini mempunyai kaitan dengan pengharaman penukaran jantina yang dilakukan oleh golongan *transgender*.

Dr Abdul Manan membuat kajian berkaitan isu ini dan beliau menyebut bahawa agama lain juga tidak mengiktiraf golongan ini kerana fitrah kejadian manusia sepatutnya dihargai. Sakali gus perlu menerima hakikat bahawa hidup yang dicipta ini adalah secara berpasang-pasangan (Berita Harian, 2019). Penulis mengambil pandangan ini untuk meletakkan hujah pengharaman penukaran jantina bagi agama kristian.

## **4.0 CABARAN DAN MASA DEPAN**

### **4.1 Isu Yang Timbul Berkaitan *Transgender* di Malaysia**

Lebih daripada 20 buah negara telah mengiktiraf golongan LGBT. Perkembangan golongan ini dapat dilihat bukan sahaja di negara yang mengiktiraf tetapi juga pada negara yang mengambil langkah sebaliknya termasuk Malaysia. Perkembangan golongan ini di Malaysia menimbulkan pelbagai isu dan cabaran kepada negara.

#### *4.1.1.1 Pekerjaan Dan Kesihatan*

Dilabel sebagai pekerja seks dan umumnya dijauhi oleh masyarakat, majoriti *transgender* tidak mendapat pekerjaan yang baik. Mereka akhirnya terlibat dalam perdagangan seks. Dalam kajian 2001 tentang 507 mak nyah, didapati bahawa 92% daripada responden menerima bayaran seks, walaupun hanya 54% mendakwa mereka adalah pekerja seks (Teh, 2001). Ada yang melakukan kerja seks sambil setiap kali mereka memerlukan wang. Bagi mereka yang bekerja seks, dalam seminggu, kira-kira 18% mempunyai 6-10 pelanggan, 15% mempunyai 11-15 pelanggan, 19% mempunyai 16-20 pelanggan, 9% mempunyai 21-25 pelanggan, 9% pelanggan dan 10% mempunyai lebih daripada 30 pelanggan (Teh, 2001).

#### *4.1.1.2 Kesihatan*

Menurut Malaysia Aids Council (MACs), sebanyak 111,916 rakyat Malaysia menghidap HIV atau AIDS dari tahun 1986 hingga 2016 (*HIV Statistics | Malaysian AIDS Council, 2016*). HIV dan AIDS ini disebarkan melalui suntikan dan hubungan kelamin dimana ianya sinonim dengan golongan *transgender* dan lelaki yang bersetubuh dengan lelaki (MSM). Kajian melaporkan bahawa golongan ini kebanyakannya mengetahui perihal *safe sex*, namun bertindak atas kehendak klien dan status klien. Bagi golongan *transgender* ini, penyakit itu bukan satu masalah tetapi yang merisaukan mereka adalah duit dan juga penerimaan masyarakat.

Isu lain yang wujud dari aspek kesihatan ialah pembedahan alat kelamin. Pembedahan ini telah diharamkan di Malaysia lalu mereka memilih untuk menjalani pembedahan di Thailand atau Singapura. Namun menurut Marziana *et al.* (2014), terdapat beberapa buah hospital swasta yang telah membenarkan pembedahan alat kelamin ini berlaku di Malaysia secara haram (Marziana *et al.* 2014). Dari sudut psikologi, beberapa kajian mendapati pembedahan alat kelamin ini dapat mengurangkan risiko serta mengatasi masalah mental seperti depresi dan cemas (Van de Grift *et al.*, 2018; Zavlin *et al.*, 2018).

Namun, terdapat dua aspek dalam isu ini yang diketengahkan penulis. *Transgender* atau *gender identity disorder* telah diklasifikasikan sebagai masalah mental di dalam ICD-10 dan DSM-V. Klasifikasi ini sering dibahaskan dan kebenaran *transgender* sebagai masalah mental sukar untuk dinafikan dan ia sepatutnya ditangani secara psikologi bukan melalui pembedahan alat kelamin. Aspek kedua adalah kesan dan komplikasi pembedahan ini. Hal ini sangat membimbangkan

kerana pembedahan alat kelamin adalah sangat rumit, memerlukan tenaga pakar dan mempunyai banyak komplikasi kesihatan (Dreher *et al.*, 2018).

#### *4.1.1.3 Komuniti Dan Masyarakat*

Pada tahun 2015, Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama mengumumkan bahawa sekolah-sekolah harus membenarkan pelajar *transgender* menggunakan tandas mengikut kehendak masing-masing (The New York Times, 2017). Namun ini telah menimbulkan perdebatan panjang bahawa peraturan ini memberi akses kepada lelaki yang berlakon sebagai wanita untuk memasuki tandas wanita justeru membuka peluang kepada gangguan seksual dan menyebabkan gejala salah laku seks berleluasa tanpa kawalan.

Masalah yang lebih membimbangkan pelbagai pihak adalah struktur komuniti di Malaysia. Perempuan yang menukar jantina kepada lelaki masih boleh mengandung tetapi lelaki yang menukar jantina kepada perempuan tidak mungkin boleh mengandung. Dalam hal lelaki bertukar perempuan dan berkahwin dengan lelaki, penerusan zuriat tidak akan terjadi. Manakala perempuan bertukar lelaki menambah kekeliruan sedia ada dalam isu transgender kerana secara biologi, hanya perempuan yang mampu mengandung dan melahirkan anak. Hal ini lantas membenarkan kepincangan dalam sistem masyarakat dan kekeluargaan.

#### *4.1.1.4 Agama Islam*

Kelompok transgender ini datang daripada pelbagai latar belakang agama. Kebanyakan daripada golongan transgender yang menganut agama bertentangan dengan naluri mereka memilih untuk meninggalkan agama asal mereka. Ini terjadi termasuk kepada golongan transgender yang beragama Islam. Namun, keluar agama atau murtad merupakan dosa besar yang tidak diampuni Allah melainkan mereka bertaubat dengan taubat nasuha (sebenar-benar taubat).

Selain itu, terdapat garis panduan yang jelas tentang aurat antara lelaki dan perempuan di dalam Islam. Aurat lelaki secara keseluruhannya adalah antara pusat hingga lutut, manakala perempuan yang berhadapan dengan ajnabi (mereka yang dibenarkan berkahwin) adalah semua anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Dalam konteks golongan mak nyah atau *transgender*, batasan aurat masih mengikut jantina asal namun penampilan mereka adalah bertentangan.

Isu ini seterusnya menimbulkan konflik dalam pelaksanaan ibadah dan muamalah seperti solat, puasa dan pembahagian harta pusaka. Golongan *transgender*, perempuan kepada lelaki, tidak boleh berjemaah bersama kaum lelaki dan sebaliknya. Masalah juga timbul pada pembahagian harta pusaka kerana lelaki dan perempuan mempunyai bahagian tertentu dalam memperoleh harta pusaka. Masalah di atas akan lebih jelas apabila golongan *transgender* ini bertaubat dan ingin kembali kepada Islam yang sebenar. (Mohd Idzwan *et al.* 2015).

#### *4.1.1.5 Identiti Diri*

Malaysia tidak mengiktiraf jantina baru di atas kad pengenalan. Pada tahun 2011, Mohd Ashraf Hafiz atau nama barunya Aleesha Farhana telah menecetus kontroversi apabila memohon penukaran jantina di mahkamah (*Utusan Malaysia*, 2011). Walaubagaimanapun, permohonan beliau tidak diluluskan. Sehingga kini, jantina pada kad pengenalan adalah berdasarkan jantina kelahiran. Namun, golongan transgender boleh mendapatkan surat pengesahan penukaran jantina dan menggunakannya pada urusan rasmi.

## **4.2 Cabaran Dalam Menghadapi Golongan Transgender**

### *4.2.1.1 Hak Asasi Manusia*

Golongan transgender menyatakan bahawa naluri dan keinginan mereka amat cenderung kepada jantina berbeza dengan jantina kelahiran. Disebabkan percanggahan ini, mereka menukar jantina mereka secara fizikal dan melakukan terapi penggantian hormon (hormon replacement therapy, HRT) atau pembedahan tukar jantina (sex reassignment surgery, SRS). Namun, identiti gender tidak sama dengan orientasi seksual. Ada di antara mereka tertarik dengan jantina berlawanan atau sama dengan jantina kelahiran mereka.

Walaupun Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak memberikan keistimewaan kepada golongan transgender, namun golongan transgender tidak boleh didiskriminasi. Golongan transgender tidak boleh diketepikan hak mereka dalam urusan pendidikan, kesihatan, perumahan dan peminjaman bank. Namun isu akan timbul apabila menyantuni komuniti LGBT sehingga tuntutan mereka keseluruhannya diterima dan diberikan pengiktirafan. Bagi masyarakat Malaysia yang majoritinya beragama Islam, hak asasi dan keperluan agama harus diseimbangi. Tuntutan-tuntutan yang memungkinkan keruntuhan agama, budaya dan naratif kebangsaan seharusnya diberi perhatian lebih sebelum konflik hak asasi membarah dalam negara ini.

### *4.2.1.2 Psikologi Golongan Transgender*

Masalah kesihatan mental telah dibincangkan sebelum ini. Punca utama golongan *transgender* menghadapi masalah tekanan adalah akibat stigma dan diskriminasi oleh masyarakat serta konflik dalaman yang bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia. Mereka yang lelaki menginginkan bentuk tubuh wanita, dan menjadi satu tekanan apabila mereka tidak dapat berbuat demikian. Menurut Baeur *et al.* (2015), psikologi golongan transgender ini menjadi lebih baik apabila berjaya mendapat bentuk tubuh keinginan mereka (Bauer *et al.*, 2015). Maka menukar alat kelamin itu dianggap merawat masalah psikologi mereka. Sedangkan keinginan golongan transgender ini pada awalnya adalah masalah psikologi. Dari sudut kesihatan mental, seseorang akan diklasifikasikan mempunyai *body integrity identity disorder* jika mereka ingin memotong kaki yang normal tetapi memotong payu dara atau alat kelamin yang normal pada tubuh kerana *transgender* masih menjadi perdebatan sehingga hari ini. Mengakui *transgender* bukan suatu kecelaruan psikologi mendedahkan kepada masalah psikologi lain.

### *4.2.1.3 Undang-undang Malaysia*

Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia ini mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mak nyah dalam negeri masing-masing walaupun bidang kuasa itu amat terhad. Majlis boleh melantik pelaksana undang-undang di negeri masing-masing. Sebagai contoh, Seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan; “...Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Perak Darul Ridzuan, seorang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Penolong-Penolong Pegawai Penguat Kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan kesalaban-kesalaban bertulis lain yang menetapkan kesalaban-kesalaban terhadap rukun-rukun agama Islam...”

Namun begitu, menurut temubual yang dilakukan oleh Marziana, Sofiah dan Mustafa, (2014) dengan pegawai agama negeri, terdapat beberapa keluhan daripada pegawai-pegawai yang melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah Enakmen Syariah negeri mengenai peruntukan perundangan sedia ada (Marziana *et al.* 2014). Ini kerana bidang kuasa mereka sangat terhad untuk membantu menangani masalah yang ada. Walaupun terdapat fatwa dari Majlis Raja-Raja dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan menyimpulkan haram hukumnya



menukar jantina berdasarkan surah al-Hujarat, 49: 13 dan an-Nisa, 4: 11 namun tidak diperuntukkan dengan jelas di dalam Enakmen Syariah negeri masing-masing. Selain itu, Jabatan Agama Islam Negeri juga kekurangan kakitangan dalam melaksanakan undang-undang (Marziana *et al.* 2014).

### **4.3 Solusi Menurut Sains dan Islam**

Dari sudut Sains, perempuan dilahirkan mempunyai kromosom XX manakala lelaki mempunyai kromosom XY. Namun, terdapat beberapa kes terpencil manusia dilahirkan dengan masalah kromosom dan jantina yang merupakan satu penyakit justeru menimbulkan persoalan adakah jantina ditentukan oleh kromosom dan organ seks ketika lahir. Oleh itu, penyelidik dan saintis telah mengkaji fungsi kromosom dalam menentukan jantina daripada pelbagai aspek. Kajian dilakukan untuk melihat faktor biologi seperti genetik, hormon pra kelahiran, anatomi neurologi dan proses kognitif dalam perkembangan golongan transgender.

Kajian yang dilakukan oleh Hoekzema *et al.*, (2015) menunjukkan bahawa struktur otak manusia adalah bertepatan dengan jantina kelahiran mereka (Hoekzema *et al.*, 2015; Kreukels and Guillamon, 2016). Walau bagaimanapun, terdapat kajian lain yang menunjukkan bahawa struktur otak perempuan yang bertukar lelaki adalah sama dengan lelaki (Kreukels and Guillamon, 2016). Menurut Kreukels & Guillamon, (2016) yang melihat kajian-kajian lepas mengenai pengimejan otak dan keclaruan identiti jantina, kajian-kajian ini masih lagi sedikit dan terdapat banyak perbezaan pada metod dan hasil kajian maka masih terlalu awal untuk menyatakan kesimpulan (Kreukels and Guillamon, 2016). Adapun, ciptaan manusia ini merupakan takdir dan ketentuan yang maha berkuasa. Solusi melalui rentetan kajian berkaitan dengan kromosom dan struktur otak manusia telah dikenalpasti oleh pengkaji terdahulu bagi menerangkan kepada golongan *transgender* bahawa perkara ini adalah perkara yang dilarang dan tidak diiktiraf.

Secara psikologi pula, seseorang yang berkeinginan membuang mana-mana anggota badannya yang normal disuspek *delusional*. Justeru perkara sama harus dipertimbang apabila seseorang ingin membuang payudara yang normal kerana merasakan tersilap jantina. Kebanyakan golongan transgender ini mempunyai faktor tersendiri atas pilihan mereka. Faktor ini pada awalnya yang membentuk psikologi golongan ini dimana bantuan diperlukan untuk menyelesaikannya.

Maka agama berperanan sebagai panduan kepada masalah psikologi ini dan memandu manusia perihal yang terbatas oleh manusia. Allah berfirman “*Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka*” (Surah aAl-Baqarah, 2: 2-3).

Dalam isu jantina, golongan *transgender* merasakan bahawa mereka terperangkap dalam badan yang salah. Walhal manusia tidak mengetahui soal roh untuk mengatakan naluri mereka lebih benar dari yang zahir diciptakan Allah. Jantina manusia telah ditentukan sejak sebelum kelahiran oleh Allah S.W.T. Allah berfirman dalam surah Al-Najm ayat 45 dan 46 “*Dialah yang menciptakan kamu berpasang-pasangan, lelaki dan perempuan, daripada nuthfab, apabila dipancarkan.*” Allah yang mencipta langit dan bumi tidak tersilap dalam perkara ini. Sekiranya Allah tersilap dalam mentadbir, maka langit dan bumi tidak mampu bertahan berjuta tahun daripada kejadian Adam dan Hawa.

Sebenarnya isu jantina boleh diubah atau tidak, diperolehi semenjak lahir atau semasa proses membesar tidak sepatutnya dibahaskan. Setiap orang mengalami keadaan yang berbeza yang menyebabkan mereka menjadi sebegitu dan Sains pula tidak mampu membuktikan dengan tepat. Lalu agama memandu pemikiran terbatas untuk mencapai solusi dalam menangani masalah yang timbul. Dalam konteks Malaysia, setiap negeri mempunyai enakmen berbeza dalam isu *transgender*. Melihat kepada status golongan ini di Malaysia, penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada tanpa mengenyepikan kaedah pencegahan berhemah berbentuk kemanusiaan perlu diwujudkan bagi memahami dan merawat golongan transgender untuk kembali ke pangkal jalan.

Daripada sudut psikologi, dapat dilihat bahawa golongan *transgender* ini perlu dilakukan pencegahan awal. Mereka adalah golongan yang terperangkap dari pelbagai sudut. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa sains telah membuktikan perkaitan antara otak dan kromosom, manakala agama pula telah menjelaskan pengharaman penukaran jantina. Mereka perlu diberi makanan rohani agar gejala *transgender* ini dapat dibendung dari awal.

## 5.0 KESIMPULAN

Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan hasil analisa ini sangat meluas. *Transgender* mempunyai keinginan yang kuat untuk menjadi jantina bertentangan dengan jantina asal mereka. Jika dilihat pada faktor-faktor berlaku gejala transgender secara keseluruhannya seseorang tidak dapat mengawal “naluri bertentangan” sejak zaman kanak-kanak mahupun sudah dewasa. Tidak lupa juga kurang sokongan moral dan kurang pengetahuan serta iman lemah sehingga akhirnya mendorong mereka menjadi transgender. Antara masalah golongan *transgender* ini boleh dilihat daripada pelbagai perspektif iaitu isu pekerjaan, kesihatan, agama Islam, identiti diri dan komuniti masyarakat. Manakala cabaran seperti hak asasi manusia dan psikologi golongan *transgender* perlu diambil perhatian agar golongan ini kembali ke fitrah yang sebenar. Pandangan Sains dan pandangan Islam telah membuktikan bahawa golongan *transgender* disifatkan sebagai suatu penyakit yang lahir hasil pencarian mereka yang kecelaruan identiti. Gejala sosial ini, bukan sahaja melibatkan pelajar atau orang awam, malah juga golongan profesional. Penulis menyeru agar pelbagai pihak dapat mengatasi masalah transgender yang tumbuh mekar bagaikan bunga ini supaya bala’ tidak menimpa kita seperti mana berlaku pada kaum zaman Nabi Allah Luth.

## Rujukan

- Suhaidah Said, Siti Nurul Jannah Fital, Nor Suhaila Che Pa. (2014) *Analisis Gender Dalam Bahasa Melayu Dari Sudut Leksikal Dan Makna*. Pusat Bahasa Antarabangsa. Universiti Malaysia Perlis.
- Mohd Izwan Bin Md Yusof, Muhd Najib Bin Abdul Kodir, Mazlan Bin Ibrahim, Khader Bin Ahmad dan Murshidi Bin Mohd Nor disusun oleh Saiful Azhar Bin Saadon (2015). *Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Herien Puspitawati (2013). *Konsep, Teori Dan Analisis Gender*. Departemen Ilmu Keluarga Dan Konsumen Fakultas Ekologi Manusia. Institut Pertanian Bagor. Indonesia.
- Sumber R&D (2016). *Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum*. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Bauer, G. R. et al. (2015) *Intervenable factors associated with suicide risk in transgender persons: a respondent driven sampling study in Ontario, Canada*, *BMC Public Health*, 15(1), 525. doi: 10.1186/s12889-015-1867-2.
- Dreher, P. C. et al. (2018) *Complications of the neovagina in male-to-female transgender surgery: A systematic review and meta-analysis with discussion of management*, *Clinical Anatomy*, 31(2), 191–199. doi: 10.1002/ca.23001.

- van de Grift, T. C. *et al.* (2018) 'Surgical Satisfaction, Quality of Life, and Their Association After Gender-Affirming Surgery: A Follow-up Study', *Journal of Sex & Marital Therapy*. Routledge, 44(2), 138–148. doi: 10.1080/0092623X.2017.1326190.
- HIV Statistics | Malaysian AIDS Council (2016). daripada at: <http://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/> (Accessed: 8 April 2018).
- Hoekzema, E. *et al.* (2015) 'Regional volumes and spatial volumetric distribution of gray matter in the gender dysphoric brain', *Psychoneuroendocrinology*, 55, 59–71. doi: 10.1016/j.psyneuen.2015.01.016.
- Kreukels, B. P. C. and Guillamon, A. (2016) 'Neuroimaging studies in people with gender incongruence', *International Review of Psychiatry*. Taylor & Francis, 28(1), 120–128. doi: 10.3109/09540261.2015.1113163.
- Marziana, A. malib, Sofiah, D. M. and Mustafa, A. (2014) 'Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Kepribaitan Kita?', *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 48–61. Available at: <http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2014/11/6.pdf> (Accessed: 26 March 2018).
- Teh Koon, Y. (2008) 'HIV-Related Needs For Safety Among Male-To-Female Transsexuals (mak nyah) in', *Journal of Social Aspects of HIV/AIDS*, 5(4). daripada <https://www.tandfonline.com/doi/pdf/10.1080/17290376.2008.9724917?needAccess=true> (Accessed: 18 April 2018).
- THE NEW YORK TIMES (2017) 'Understanding Transgender Access Laws - The New York Times'. daripada at: <https://www.nytimes.com/2017/02/24/us/transgender-bathroom-law.html> (Accessed: 8 April 2018).
- Utusan Malaysia (2011) 'Lelaki Gagal Tukar Nama Kepada Perempuan Meninggal Dunia'. daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0730&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_07.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0730&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_07.htm) (Accessed: 8 April 2018).
- Zavlin, D. *et al.* (2018) 'Male-to-Female Sex Reassignment Surgery using the Combined Vaginoplasty Technique: Satisfaction of Transgender Patients with Aesthetic, Functional, and Sexual Outcomes', *Aesthetic Plastic Surgery*. Springer New York LLC, 42(1), pp. 178–187. doi: 10.1007/s00266-017-1003-z.
- Latifah Ariffin (2019). *Pejuang LGBT Tidak Hormat Fatwa Penukaran Jantina*. Berita Harian.
- Ab Jalil Backer (2019). *Merembekkan Pandangan Agama*. Sinar Harian.